

Kerjasama bentuk kerajaan

Fahami konsep

BH 14 AUG 1990

BN: Mahathir

Oleh MANJA ISMAIL

KUALA TERENGGANU, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta ahli parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya jangan mengangap pilihanraya umum bertujuan memberi peluang kepada seseorang itu menjadi wakil rakyat.

Apa yang penting, kata Pengerusi BN, parti mesti menang dalam pilihanraya umum nanti supaya dapat membentuk kerajaan bagi membolehkannya memberikan khidmat yang bermakna kepada negara.

Menurut Perdana Menteri, jika ahli parti-parti komponen yakin bahawa sesebuah parti itu boleh membentuk kerajaan, soal siapa menjadi calon tidak harus diberi terlalu banyak perhatian.

"Ramai yang mengangap pilihanraya sebagai satu peluang untuk si polan ini atau itu menjadi wakil rakyat. Itu hanyalah kebetulan tetapi yang lebih penting, tujuan pilihanraya ialah untuk membentuk kerajaan.

"Sehubungan itu, semua pekerja parti-parti komponen harus menentukan kemenangan BN tanpa mengira siapa dan parti mana yang dicalonkan nanti," katanya dalam sidang akhbar selepas menemui pemimpin BN dari semua kawasan pilihanraya di Terengganu di Wisma Darul Iman, di sini hari ini.

Turut hadir dalam pertemuan tertutup kira-kira dua jam itu, ialah Naib Presiden Umno Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden Gerakan Datuk Dr Lim Kheng Yaik.

Sambil menyatakan rasa puas hatinya mengenai pertemuan itu, Datuk Seri Dr Mahathir ber-

kata semua presiden parti komponen yang hadir, kecuali Datuk Samy Vellu kerana tiba lewat, berucap dengan meminta penyokong mereka bekerja untuk BN tanpa mengira parti masing-masing.

Perdana Menteri berkata, ramai pemimpin sekarang lebih mengutamakan soal siapa menjadi calon dalam pilihanraya, bukannya kemenangan BN, kerana mereka tidak faham betapa pentingnya menyokong gagasan itu.

Punca keadaan itu menurutnya, ialah ramai daripada pemimpin sekarang tidak mengetahui asal-usul BN dan Perikatan kerana kebanyakannya lahir atau membesar selepas Perikatan ditubuhkan, menyebabkan mereka tidak meneliti sejarah penubuhan dua gabungan itu.

"Memang jika tidak faham apa dia BN, bagaimana BN dibentuk, kenapa dan apa kebaikan daripada pemerintahan BN, mereka tidak akan menumpukan kepada BN, sebaliknya memberi perhatian kepada calon.

Pertukaran calon

"Itulah sebabnya kita menjelaskan konsep BN supaya semua faham mengenainya dan tanggungjawab BN kerana kita yakin BN saja yang boleh mengekalkan kestabilan dan pembangunan negara," katanya.

Ditanya sama ada perkembangan terbaru itu membayangkan kemungkinan berlaku perubahan dalam senarai calon BN pada pilihanraya umum akan datang, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Kalau tidak berlaku pun perubahan, amat penting bagi kita memahami konsep BN. Kalau ada perubahan, mereka perlu sokong. Yang penting, kita mesti menerima hakikat bahawa ada pertukaran calon dalam setiap pilihanraya."

"Bukan semua yang menjadi wakil rakyat sekarang akan dikekalkan oleh BN, manakala tidak semua muka baru akan menggantikan yang lama. Kita akan adakan campuran antara yang baru dan lama," katanya.